

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95**

Oktober/November 1994

CTD501 - Sistem Maklumat

Masa: [2 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
 - Jawab **TIGA** soalan daripada empat soalan sahaja.
 - Jawab **SEMUA** soalan dalam Bahasa Malaysia.
-

1. (a) "Senarai sistem komputer yang gagal adalah panjang; maka tidak hairanlah banyak organisasi berasa kecewa akan perkembangan projek-projek komputernya." Pada pendapat anda, apakah sebab-sebab utama yang menyebabkan kegagalan projek-projek komputer. Bincangkan. (40/100)
- (b) Terangkan secara ringkas komponen-komponen am sistem maklumat. (20/100)
- (c) Sistem Maklumat dan Teknologi Maklumat adalah dua istilah yang menjadi perkataan sebut-sebutan (Buzz-word) dewasa ini di kalangan orang ramai, khususnya di kalangan profesional komputer. Dua istilah ini sering digunakan seolah-olah mereka adalah sama ertinya. Tetapi, kita tahu bahawa mereka adalah tidak sama. Huraikan perbezaan-perbezaan di antara Sistem Maklumat dan Teknologi Maklumat. (40/100)
2. (a) Semua pelabur saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), tidak kira sama ada mereka itu pelabur institusi atau pelabur runcit, memerlukan maklumat yang terkini dengan serta merta tentang harga saham-saham yang diurusniagakan di BSKL supaya mereka dapat membuat keputusan yang arif di dalam belian dan jualan mereka.
- Nyatakan dan terangkan secara ringkas 5 ciri-ciri maklumat yang anda fikir dapat membantu para pelabur dalam aktiviti jual/beli mereka. (30/100)
- (b) Secara ringkas, terangkan tentang perkara-perkara berikut:
- (i) Multipemrograman
 - (ii) Pemprosesan Kelompok
 - (iii) Sistem Pengurusan Pangkalan Data (30/100)
- (c) Terangkan secara ringkas perbezaan di antara pengkomputan tradisional dan pengkomputan pengguna (end-user computing). (20/100)
- (d) Apakah sebab-sebabnya pengkomputan pengguna semakin disukai oleh orang ramai? (20/100)

3. (a) "Seseorang yang mahir dan faham tentang perkakasan, perisian dan pengaturcaraan komputer mungkin tidak sesuai untuk merekabentuk satu sistem maklumat berasaskan komputer." Bincangkan. (30/100)
- (b) Rangkaian setempat (Local Area Network) ialah satu teknologi maklumat yang dapat menghubungkan peralatan komputer supaya semua sumber dapat dikongsi oleh semua pengguna. Namun demikian, ia mempunyai beberapa keburukan yang dapat dipertikaikan. Huraikan keburukan itu jika LAN diimplementasikan di dalam sesuatu organisasi. (40/100)
- (c) Terangkan perbezaan di antara istilah-istilah berikut:
- (i) DSS dan MIS
 - (ii) Keselamatan Komputer dan "Privacy" Komputer (30/100)
4. (a) Andaikan anda ialah seorang pakar perunding sistem maklumat berasaskan komputer (Computer-Based Information Systems Consultant), dan anda telah ditugaskan untuk membangunkan satu sistem maklumat menggunakan teknologi maklumat yang terkini tanpa menghiraukan kos perbelanjaan dan tempoh pembangunan. Namun demikian, apakah langkah-langkah yang harus anda ambil/ikuti untuk pembangunan ini? (30/100)
- (b) Apakah maklumat-maklumat yang terdapat daripada spesifikasi sistem di dalam sesuatu rekabentuk sistem? Dan apakah tujuan spesifikasi ini menjelang pembangunan dan selepas sistem diimplementasikan? (30/100)
- (c) Sesetengah bahasa pengaturcaraan yang terdapat di sesuatu komputer adalah berbentuk Penterjemahan ("Interpretative"), manakala sesetengahnya adalah berbentuk Pengkompilan ("Compilation"). Terangkan perbezaan di antara dua bentuk bahasa pengaturcaraan di atas. (20/100)
- (d) Kebanyakan orang di bidang komputer menganggap pembahagian atau klasifikasi di antara komputer kerangka utama, mini dan mikro semakin kabur dan tidak sesenang masa lampau. Kenapa anggapan sebegini wujud dewasa ini? (20/100)